

Seminar Motivasi Diri dan Forum Transformasi Kerjaya

Isnin 24 Oktober 2016, Mukah- Kolej Cosmopoint Kuching telah menganjurkan “Seminar Motivasi Diri dan Forum Transformasi Kerjaya” di Dewan Suarah, Mukah. Program yang telah melibatkan seramai 500 orang pelajar berserta 20 orang guru pengiring dari lima buah sekolah menengah di kawasan Mukah ini merupakan program anjuran bersama di antara Parlimen Belia Bahagian Mukah dan Kolej Cosmopoint Kuching. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah SMK St. Patrick Mukah, SMK Oya, SMK Three Rivers, SMK Mukah dan SMK Dalat.

Program yang bermula dengan pendaftaran pelajar serta guru pengiring dari sekolah-sekolah yang terlibat pada jam 9 pagi itu disambut mesra oleh pihak penganjur. Program itu juga turut dihadiri oleh Setiausaha Politik Ketua Menteri Sarawak, Puan Faridah Osman yang mewakili wakil rakyat kawasan DUN Tellian iaitu Yang Berhormat Yussibnosh Balo. Usaha dari pihak Kolej Cosmopoint Kuching serta Parlimen Belia Sarawak kawasan Mukah ini dipuji dan disambut baik oleh Yang Berhormat kerana menurut beliau, program seperti ini julung kali dianjurkan dan ianya sangat relevan kerana Mukah merupakan salah satu kawasan Hub Pendidikan bagi negeri Sarawak. Mengulas lebih lanjut, beliau turut berbesar hati sekiranya program seperti ini boleh dijadikan acara tahunan kerana ia dapat membantu pelajar-pelajar kawasan Mukah menyedari akan peluang-peluang yang ada untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di masa hadapan.

Puan Julia Bujang, Ketua Eksekutif Kolej Cosmopoint Kuching di dalam ucapan alu aluan turut menegaskan bahawa program yang dianjurkan ini bukan sahaja mampu memberi pendedahan kepada pelajar, malah secara langsungnya dapat meningkatkan semangat serta motivasi pelajar dan mampu menyiapkan mereka untuk menghadapi ujian Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Ini kerana, pelajar yang terlibat dalam menjayakan program ini adalah mereka yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 5 dan 6 dari pelbagai sekolah di kawasan Mukah. Beliau turut menyatakan hasrat untuk menyahut seruan Yang Berhormat Yussibnosh, agar menjadikan program seperti ini

sebagai acara tahunan bagi pihak Kolej Cosmopoint Kuching dengan masyarakat di Mukah.

Encik Royston Valentine, Ahli Parlimen Belia Malaysia bagi Negeri Sarawak berkata, “Program ini merupakan inisiatif yang amat bijak daripada institusi pendidikan seperti Kolej Cosmopoint kerana kesanggupan mereka untuk turun padang dan menganjurkan program berkualiti seumpama ini di kawasan Mukah. Selama ini, pelajar-pelajar di kawasan Mukah agak sukar untuk membuat pilihan setelah tamat SPM dan STPM disebabkan oleh kekurangan sumber maklumat yang jelas mengenai peluang melanjutkan pelajaran.” Tambah beliau lagi, Kolej Cosmopoint telah membuka jalan dan memberikan input yang sangat berguna kepada para peserta sebagai panduan mereka untuk menentukan masa depan yang lebih terjamin.

Program anjuran Kolej Cosmopoint Kuching ini juga turut menyediakan pengisian berbentuk ceramah motivasi khas bagi pelajar yang bakal menduduki SPM dan STPM dengan menjemput penceramah yang merupakan anak jati Mukah dan kini bergelar Penceramah Professional serta memiliki syarikat sendiri iaitu Aqademi di Kuala Lumpur. Encik Ahmad Qadry Basri, seorang usahawan muda yang merupakan bekas pelajar dari salah sebuah sekolah di Mukah berbesar hati untuk turut serta dalam menjayakan program tersebut. Semasa ditemui pemberita, beliau mengatakan bahawa program ini merupakan sebuah penganjuran seminar yang berimpak tinggi dan beliau turut teruja apabila dijemput untuk memberi inspirasi kepada para pelajar di sekolah-sekolah terlibat, seterusnya mendorong mereka supaya lebih terbuka untuk melihat masa depan dan berani untuk terbang lebih tinggi demi mencapai cita-cita mereka. Menurut beliau lagi, program seperti ini dapat membantu para pelajar menentukan hala tuju masa depan dan mampu membuka mata mereka supaya tidak membuat keputusan yang sia-sia.

Salah seorang peserta program, yang merupakan pelajar tingkatan 5 dari SMK St. Patrick, Mukah semasa ditemubual pemberita turut menyatakan keberkesanan program tersebut di dalam memupuk minat belajar dan memotivasikan diri pelajar ke arah kecemerlangan akademik dan sahsiah diri. Guru pengiring dari SMK St. Patrick Mukah, Cikgu Flora yang turut berada bersama pelajar tersebut semasa ditemubual mengatakan bahawa pelajar

di sekolah mereka kebanyakannya berminat dengan program-program yang ditawarkan di Kolej Cosmopoint Kuching. Beliau juga turut menambah, “Setelah mendengar penjelasan dari para pensyarah dan penasihat akademik yang hadir semasa program tersebut, saya bertambah yakin bahawa tidak ada had kepada kejayaan setiap pelajar kerana peluang pengajian sentiasa tersedia, ditambah lagi dengan pelbagai kemudahan dari segi pinjaman pendidikan dan biasiswa yang mampu menjadi pendorong dan perangsang kepada kejayaan pelajar.”

Selain dari ceramah motivasi, program itu juga turut dimanfaatkan dengan penganjuran forum yang bertajuk “Kualiti Diri, Impian, dan Kerjaya”. Forum ini melibatkan 4 orang panel serta Ahli Palimen Belia Malaysia Negeri Sarawak, Encik Royston Valentine selaku moderator membincangkan tentang isu pendidikan terutama sekali pendidikan masyarakat luar bandar. Ketua Akademik Kolej Cosmopoint Kuching, Puan Lailatul Asma yang merupakan salah seorang daripada ahli panel di dalam forum tersebut turut memberikan nasihat dan panduan kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan, dan beliau juga turut memberikan gambaran awal tentang kehidupan di peringkat universiti dan kolej yang jauh berbeza dengan situasi di peringkat sekolah. Forum ini merupakan salah satu medium yang mampu menyampaikan pengisian berguna kepada pelajar yang hadir. Melalui perbincangan oleh setiap ahli panel yang mempunyai latar belakang pelbagai, ia mampu membawa minda pelajar ke arah pemahaman yang lebih mendalam dan melihat sesuatu isu itu dikupas dari pelbagai aspek.

Semasa penutupan majlis tersebut, Cik Dyeen Stephen, Ketua Pegawai Pendaftar, Kolej Cosmopoint Kuching turut berterima kasih kepada semua peserta yang terlibat dan individu serta agensi yang telah menjayakan program tersebut. Beliau turut menyatakan bahawa program sebegini adalah salah satu cara warga Kolej Cosmopoint mendekatkan diri dan berkongsi ilmu dengan penduduk di sekitar Mukah. Menurut beliau lagi, pelbagai program telah dirancang untuk memenuhi siri jelajah ke seluruh Sarawak. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kolej Cosmopoint, layari www.cosmopointcollege.edu.my.

Mengenai Kolej Cosmopoint

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulinari dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cosmopointcollege.edu.my

Untuk sebarang pertanyaan media:

Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my